

Raja Perlis mahu penduduk manfaat alam semula jadi

BH / 22.5.12 | 4/11/G1 Ps - *Hari u cuiit*

KANGAR: Raja Perlis, Tuanku Syed Sirajuddin Putra Jamallail menitahkan penduduk negeri ini memanfaat kelebihan alam semula jadi yang terdapat di bumi Perlis dengan mengusahakan tanaman harumanis memandangkan ia mampu hidup subur di sini.

Baginda juga berharap program pemindahan teknologi penanaman harumanis kepada petani disege-rakan manakala pengurusannya harus dilakukan secara intensif serta cekap.

"Menerusi pemindahan teknologi ini, beta berharap lebih ramai rakyat Perlis meminati tanaman harumanis untuk menambah sumber pendapatan.

"Pengeluaran dan kualiti buah berkenaan hendaklah diper-tingkatkan dari semasa ke semasa," titah baginda di Majlis Perasmian Gerakan Menanam 1,000 Mempelam Harumanis di Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) Beseri Jaya, dekat sini.

Raja Muda Perlis, Tuanku Syed

Faizuddin Putra Jamalullail dan Raja Puan Muda, Tuanku Laillatul Shareen Akashah Khalil turut berangkat ke majlis terbabit dan berkenan untuk bersama menanam harumanis bersama penduduk.

Hadir sama Menteri Besar, Datuk Seri Dr Md Isa Sabu.

Program tanaman serentak itu dilakukan di empat lokasi di Parlimen Padang Besar, manakala masing-masing satu lokasi di Parlimen Kangar dan Arau membabitkan keluasan tanaman seluas 8.13 hektar.

Program terbabit adalah acara diaturkan sempena Sambutan Ulang Tahun Keputeraan Raja Perlis ke-69 dan turut mencatat sejarah selepas disenaraikan dalam Malaysia Book of Records.

Projek tanaman 1,000 pokok di enam kawasan di Perlis itu me-ngambil masa lapan minit dan peserta dihubungkan menerusi talian radio amatir yang dikendalikan Persatuan Radio Amatur Melayu Malaysia (ASTRA).

Sementara itu, Md Isa pula mena-

sihatkan peniaga supaya menghentikan kegiatan menjual mempelam jenama lain dengan menyatakan harumanis kerana perbuatan terbabit boleh mencemarkan buah yang sudah menjadi ikon Perlis itu.

"Kita sedar ada pelancang tertipu dengan tindakan segelintir peniaga menjual mempelam tidak berkuali-ti dengan mendakwa ia harumanis untuk mengaut keuntungan mudah.

"Perbuatan ini turut mencemarkan nama peniaga yang menjalankan pen-jualan sepenuh masa dan Kita harap mereka menghentikan kegiatan itu," katanya.

Beliau berkata, kerajaan negeri dengan kerjasama agensi berkaitan sedang berusaha menambah keluasan tanaman harumanis untuk menampung permintaan yang bertambah setiap tahun.

"Bermula tahun ini, kita mem-peruntukkan kawasan seluas 200 hektar untuk ditanam harumanis bagi mencapai sasaran 1,000 hektar kawasan baru menjelang 2015," katanya.